

## Maklumat Kursus

- 1) **Kod Kursus** : **TTTP2543**
- 2) **Nama Kursus / Course Title** : **Pengaturcaraan Web / Web Programming**
- 3) **Kredit** : **3**
- 4) **Taraf Kursus** : **Wajib Program**
- 5) **Sinopsis / Synopsis** :

Kursus ini bertujuan untuk memberi kemahiran asas pengaturcaraan web kepada pelajar. Ia memperkenalkan konsep dan teknik mereka bentuk dan membina halaman web. Pelajar menggunakan alatan untuk mengorganisasi, mencapai, menyimpan dan menyebarkan maklumat dalam web. Teknologi pelayan-pelanggan melalui laman web dinamik diperkenalkan. Aspek lain yang ditekankan ialah isu asas dalam reka bentuk laman web interaktif; prinsip dalam reka bentuk; reka bentuk dokumen dan penyelitan grafik; penyusunan teks; pemilihan antara muka dan hubungan dengan dokumen lain. Pada akhir kursus, pelajar akan mengimplimentasi teknik dan pengetahuan yang dipelajari dalam projek mini pembangunan sistem berasaskan web.

*This course offers students the opportunity to learn the fundamental skills in web programming. It introduces students to the concepts and techniques of designing and creating web pages. Students will be taught to use various tools to organize, retrieve, store and distribute information via the web. Students will be introduced to the client-server dynamic pages. Other relevant issues that will be emphasised include the principle of web pages design, interactive web design, document design, graphics, texts, interfaces and links between the documents. At the end of the course, students will demonstrate their understanding and technical knowledge by developing a mini web-based system project.*

- 6) **Pra-Keperluan** : **TTTU2983**
- 7) **Keperluan Kursus<sup>1</sup> untuk Menduduki Peperiksaan / Course Requirements to sit for Examination** (Rujuk Peraturan UKM Pengajian Sarjanamuda pindaan 2009).

Pelajar perlu memenuhi 70% keperluan komponen pentaksiran kursus tetapi tidak termasuk komponen pentaksiran penilaian akhir dengan melengkap item pentaksiran tersebut semasa minggu pengkuliahahan.

- 8) **Rujukan:**

---

<sup>1</sup> Keperluan Kursus boleh meliputi peratusan kehadiran, bilangan/peruntukan markah tugas/laporan yang telah dihantar, bilangan/peruntukan markah ujian yang telah diduduki serta komponen pentaksiran lain sepanjang minggu pengkuliahahan. Pelajar yang dihalang untuk menduduki peperiksaan perlu dikenal pasti selawat-lewatnya 2 minggu sebelum peperiksaan bermula dan tertakluk kepada kelulusan Timbalan Pendaftar Akademik.

Dietel, P. Dietel, H. & Deitel, A. 2014. *Internet & World Wide Web: How to Program. 5<sup>th</sup> Edition*, England: Pearson Education.

Ullman, L. 2012. *PHP and MySQL for Dynamic Web Sites: Visual QuickPro Guide. 4<sup>th</sup> Edition*. Berkeley: Peachpit Press.

Carey, P. 2009. *New Perspectives on HTML, XHTML, and Dynamic HTML. 4<sup>th</sup> Edition*, Boston: Cengage Learning.

#### 9) Senarai Hasil Pembelajaran Kursus :

Pada akhir kursus ini, pelajar berupaya untuk:

<b>HPK1</b>	Menganalisis konsep dan teknik untuk mereka bentuk laman web. <i>Analyze concepts and techniques for designing web pages.</i>
<b>HPK2</b>	Mempamer reka bentuk laman web interaktif. <i>Demonstrate interactive website designs.</i>
<b>HPK3</b>	Membangun laman web yang dinamik dengan menggunakan pendekatan pelayan-pelanggan. <i>Build dynamic web sites using the client-server approach.</i>

#### 10) Hasil Pembelajaran Program (HPP)

Pada akhir program ini, pelajar berupaya untuk:

<b>HPP1</b>	Mempamer pengetahuan berkenaan fakta asas, konsep, prinsip dan teori yang berkaitan Teknologi Maklumat.
<b>HPP2</b>	Mereka bentuk, melaksana dan mengurus bagi sumber dan penyelesaian Teknologi Maklumat, dan mengenalpasti kesan teknologi kepada masyarakat, organisasi dan individu.
<b>HPP3</b>	Menyemai kemahiran dan tanggungjawab sosial dalam membangun produk komputeran berkaitan Teknologi Maklumat.
<b>HPP4</b>	Mempamer sikap profesionalisme dan sosial serta pertimbangan etika yang berlandaskan prinsip etika dan perundangan berkaitan Teknologi Maklumat.
<b>HPP5</b>	Mempamer keupayaan memimpin, kemahiran antara perorangan dan bekerja secara berpasukan.
<b>HPP6</b>	Mempamer kemahiran menganalisis dan berfikiran kritis dalam menyelesaikan masalah mengguna teknik berkaitan Teknologi Maklumat.
<b>HPP7</b>	Mempraktik kemahiran pengurusan maklumat dan prinsip pembelajaran sepanjang hayat dalam pembangunan akademik dan kerjaya berkaitan Teknologi Maklumat.
<b>HPP8</b>	Mempraktik kemahiran mengurus dan keusahawanan dalam perspektif meluas berkaitan Teknologi Maklumat.

11) Pentaksiran:

TTTP2543 - Pengaturcaraan Web  Pada akhir kursus ini, pelajar berupaya untuk:		Tahap Taksonomi	Indikator	HPP	*Pemboleh (1) / *Penentu (2)	Kaedah Penyampaian	Kaedah Pentaksiran (%)				Beban Pembelajaran Pelajar (SLT)
							Tugasan	Ujian Bertulis	Projek Akhir	Peperiksaan Akhir Bertulis	
<b>HPK1</b>	Menganalisis konsep dan teknik untuk mereka bentuk laman web.	C4	• Penerangan dan justifikasi konsep	8	2	Kuliah		10		20	20
<b>HPK2</b>	Mempamer reka bentuk laman web interaktif.	P5	• Reka bentuk laman web	3	2	Tutoran/ Amali		10	15	10	50
<b>HPK3</b>	Membangun laman web yang dinamik dengan menggunakan pendekatan pelayan-pelanggan.	P7	• Laman web	2	2	Amali	20		15		50
<b>JUMLAH/ TOTAL</b>							<b>20%</b>	<b>20%</b>	<b>30%</b>	<b>30%</b>	<b>120 jam</b>